

08/09/1997

Tindakan Soros agenda terancang Barat

TINDAKAN berani dan bijak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menangani krisis kejatuhan nilai ringgit mengelakkan negara melutut kepada tekanan asing.

Wakil Badan Perhubungan Umno Sabah, Ali Asgar Basri, ketika menyokong usul ekonomi pada perhimpunan agung Umno semalam, berkata tindakan George Soros adalah satu agenda terancang pihak Barat yang mahu menyekat kemunculan Malaysia sebagai negara maju melalui acuan sendiri.

Beliau berkata, Barat bimbang semangat Wawasan 2020 terus menular dan menjadi ikutan negara Asia dan membangun di seluruh dunia sekali gus menenggelamkan pengaruh Barat.

"Kejatuhan nilai ringgit bukan salah Dr Mahathir. Barang kali kalau bukan kerana Dr Mahathir kita sudah melutut kepada Soros. Kalau saya, sudah melutut kerana kita tidak mempunyai ketahanan seperti Dr Mahathir. Saya pasti melutut kepada Amerika Syarikat dan Britain.

"Kalau bukan Dr Mahathir yang sudah meletakkan asas kukuh kepada sistem ekonomi dan politik. Kalau bukan beliau yang memperlihatkan kepada dunia bahawa kita adalah bangsa dihormati dan disegani serta kalau bukan Dr Mahathir yang menanam sikap jangan mudah mengalah, saya pasti kita mungkin kembali kepada zaman meminta-minta serta mengutuk diri sendiri," katanya.

(END)